

| | | | |
|-------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Memupuk kematangan berpolitik di Malaysia | | |
| MediaTitle | Kosmo | Language | Malay |
| Date | 18 Jul 2017 | Readership | 875,000 |
| Circulation | 197,202 | Color | Full Color |
| Section | Negara | ArticleSize | 514 cm ² |
| Page No | 11 | PR Value | RM 40,171 |
| AdValue | RM 13,390 | | |



Memupuk kematangan berpolitik di Malaysia

ISTILAH kepimpinan dalam politik demokrasi Malaysia merupakan sebuah ungkapan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Malaysia yang sentiasa teruja dan berminat untuk mengetahui dan mengikuti perkembangan terkini politik Malaysia.

Tidak hairanlah mengapa isu politik sentiasa mendapat liputan dan ekuapan meluas bukan sahaja dalam negara malah diikuti oleh negara luar. Politik dan ekonomi tidak tumpah saling berkait antara satu sama lain dan ia banyak memberi kesan kepada kehidupan masyarakat Malaysia terutama apabila menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Kebakangan ini berita tentang kepimpinan nombor satu Pakatan Harapan menjadi cerita panas yang menghiasi kebanyakan dada berita sama ada dalam arus perdana maupun media sosial.

Liputan ini mendapat pelbagai reaksi dan tidak henti-henti menerima cerita politik yang tiada kesudahan sehingga masa depan kelangsungan pakatan itu sudah ditilik oleh pelbagai pihak.

Menarik sekali, baru-baru ini Majlis Presiden pakatan itu mengumumkan tiga nama besar dalam kepimpinan mereka yang antaranya adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Umum, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi dan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai Presiden.

Reaksi yang diterima selepas pengumuman kepimpinan ini dibuat meliputi pelbagai aspek dan turut membangkitkan tentang mana mungkin tiga nakoda dalam sebuah teraju atau parti politik.

Inilah yang menarik untuk dibincangkan dalam konteks sebuah negara demokrasi yang memberi segala keterbukaan dalam corak kepimpinan parti politik sehingga lahan kepada kepimpinan pentadbiran negara.

Namun, tiga tidak bererti kesempurnaan begitu juga dengan satu. Faktor bilangan sedikit sebanyak memberi kesan kepada perjalanan urus tadbir parti politik tetapi yang paling penting adalah kepimpinan yang diterajui oleh sedikit atau banyak itu adalah faktor kepada penentu kejayaan dan kelangsungan sebuah parti politik mahupun sistem politik negara.

Dengan mengambil perum-



Kematangan politik masyarakat Malaysia tidak harus dipandang ringan kerana mereka celik dengan persekitaran semasa

pamaan sebatang lidi mudah untuk dipatahkan mana mungkin seenggamm lidi mudah dipatahkan jika tidak bekerjasama dengan kumpulan yang lebih besar. Perbandingan itu sedikit sebanyak dapat dikaitkan dengan bentuk kepimpinan baru pakatan berkenaan.

Walau bagaimanapun, jika kerjasama tidak diperoleh antara satu sama lain daripada anggota yang terlibat, nakoda yang dilayari bukan mudah untuk membentulkan haluan sedia ada.

Nama-nama barisan kepimpinan yang disenaraikan bukanlah nama-nama asing dalam lapanan politik negara. Setiap satunya mempunyai sejarah rekod prestasi kepimpinan yang sudah diketahui umum. Muhyidin tidak muhyidin sejarnya masih terpalit hingga berupaya menjelaskan imej mereka.

Kematangan politik masyarakat Malaysia pada masa kini tidak harus dipandang ringan kerana mereka juga celik dengan persekitaran semasa.

Jika pakatan tersebut menunjukkan bahawa mereka mahu membawa perubahan dalam negara pada PRU-14, sebagai parti-parti politik baharu dan lama, ia tidak seharusnya dilihat menggugat prestasi atau rekod kepimpinan Barisan Nasional yang telah menera-

jui negara sejak tertubuhnya Parti Perikatan.

Demokrasi sentiasa menggalakkan kepelbagaian dalam budaya kepimpinan politik dan tidak menghalang pembumuhan parti-parti politik untuk ditubuhkan melalui proses undang-undang yang dibenarkan.

Kredibiliti seseorang pemimpin di Malaysia tidak berdiri sendirian tanpa membawa nama parti bersama. Setiap yang berlaku kepada pemimpin politik atau parti politik, membawa maksud baik dan buruk. Malah, terpalit kepada semua pemimpin politik dalam parti politik yang sama.

Setiap gerak geri dan kelakuan ahli parti turut diperhatikan oleh masyarakat Malaysia 24 jam. Bukan mudah untuk mengekalkan nama dan imej baik pemimpin dan parti politik yang dinaungi mereka jika tiada kerjasama dan permuafakatan antara satu srama lain.

Rakyat Malaysia mahu melihat negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan damai walau pun isu politik sentiasa ada pasang surutnya.

Seseorang pemimpin dan parti politik yang dapat mengekalkan kestabilan ekonomi negara dan menjamin kehidupan rakyat dengan lebih selesa dalam segala hal yang melibatkan sistem ekonomi dan kewangan isi rumah adalah bonus kepada kejayaan parti politik dalam PRU-14 yang akan datang.

●PROF. MADYA DR. NOOR SULASTRY YURNI AHMAD merupakan pensyarah di Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah, Universiti Utara Malaysia

ENJIT-ENJIT SEMUT

